

SOALAN:

Petikan dan grafik di bawah berkaitan dengan aktiviti sukan.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang aktiviti bersukan dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Kehendak/ tugas soal:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **langkah-langkah/ usaha-usaha/ cara-cara menggalakkan masyarakat di Malaysia bersukan** iaitu:
 - pihak sekolah perlu lebih menggalakkan murid bersukan
 - pihak kerajaan menganjurkan Hari Sukan Negara
- ii. Calon perlu menyentuh **semua bahan sama ada** sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan dengan **langkah-langkah/ usaha-usaha/ cara-cara menggalakkan masyarakat di Malaysia bersukan – DITERIMA DAN DISEMAK SEPERTI BIASA**
- iv. Jika calon **tidak** menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN (20 – 25)**
- v. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan **atau** hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN (20 – 25)**
- vi. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat **MEMUASKAN (15 – 19)**
- vii. Jika tiada/ tidak lengkap perenggan penutup – maksimum peringkat **KEPUJIAN (20 – 25)**
- viii. Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

Soalan 1

Perkembangan teknologi telah memberikan kemudahan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Antaranya memudahkan kerja seharian dan dapat menjimatkan masa. Kecanggihan teknologi juga memberikan kemudahan untuk berkomunikasi.

Sumber: Akademi CMN

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kepentingan-kepentingan teknologi.

Tema DSKP: Sains, Teknologi dan Inovasi (Tema 6 Tingkatan 5)

a) **Kehendak/ tugas soal:**

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **kepentingan-kepentingan teknologi** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:
 - memudahkan kerja seharian
 - dapat menjimatkan masa
 - kemudahan untuk berkomunikasi

b) **Kemungkinan jawapan:**

- i. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain berkaitan dengan **kepentingan-kepentingan teknologi – DITERIMA SEPERTI BIASA**
- ii. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN (55 – 63)**
- iii. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK (45 – 54)**
- iv. Calon menghuraikan secara umum tentang teknologi tanpa mengaitkan kepentingan-kepentingannya – maksimum peringkat **BAIK (45 – 54)**

Soalan 2

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, berkata berdasarkan Bancian Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), struktur umur petani negara menunjukkan peluang besar untuk memperkasakan generasi muda dalam sektor berkenaan. Katanya, antara pendekatan utama yang digerakkan termasuklah pembangunan belia tani melalui Program Agropreneur Muda (PAM) yang menyasarkan golongan berusia antara 18 hingga 45 tahun.

Sumber: Astro Awani

Selain usaha yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan usaha-usaha lain yang boleh dilaksanakan untuk menggalakkan golongan belia menceburi bidang tersebut.

Tema DSKP: Pertanian, Penternakan dan Perikanan (Tema 7 Tingkatan 5)

a) **Kehendak/ tugas soal:**

- i. Calon dikehendaki menghuraikan usaha-usaha lain yang boleh dilaksanakan untuk menggalakkan golongan belia menceburi bidang tersebut kecuali usaha yang terdapat dalam petikan iaitu:
 - pembangunan belia tani

b) **Kemungkinan jawapan:**

- i. Calon menghuraikan idea dalam dan luar petikan – maksimum peringkat **KEPUJIAN (55 – 63)**
- ii. Calon menghuraikan usaha-usaha lain yang boleh dilaksanakan tanpa mengaitkan golongan belia – maksimum peringkat **KEPUJIAN (55 – 63)**
- iii. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **BAIK (45 – 54)**



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Soalan 3

Kesusasteraan menjadi wadah mengekspresikan fikiran, perasaan dan idea yang meluas. Namun, pelbagai cabaran dalam perkembangan kesusasteraan Melayu seperti peluang pekerjaan yang terhad di samping tanggapan negatif masyarakat terhadap bidang sastera. Selain itu, masyarakat juga kurang berminat membaca karya sastera.

Sumber: Dewan Sastera, Februari 2026

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan cabaran-cabaran perkembangan kesusasteraan Melayu di negara kita.

Tema DSKP: Bahasa dan Kesusasteraan (Tema 14 Tingkatan 5)

b) Kehendak/ tugas soal:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **cabaran-cabaran perkembangan kesusasteraan Melayu di negara kita** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:
 - peluang pekerjaan yang terhad bagi pengajian kesusasteraan
 - tanggapan negatif masyarakat terhadap bidang sastera
 - masyarakat juga kurang berminat membaca karya sastera

c) Kemungkinan jawapan:

- i. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain berkaitan dengan cabaran-cabaran perkembangan kesusasteraan Melayu dalam kalangan masyarakat – **DITERIMA SEPERTI BIASA**
- ii. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN (55 – 63)**
- iii. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan **tanpa** mengaitkan dengan perkembangan kesusasteraan Melayu di negara kita – maksimum peringkat **KEPUJIAN (55 – 63)**
- iv. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK (45 – 54)**
- v. Calon menghuraikan perkembangan kesusasteraan Melayu secara umum – maksimum peringkat **BAIK (45 – 54)**

Soalan 4

Malaysia menjadi destinasi pilihan untuk melancong kerana memiliki keunikan tersendiri seperti mempunyai banyak bangunan bersejarah dan diwarnai dengan kepelbagaian budaya. Selain itu, faktor keindahan alam semula jadi juga menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang tersohor.

Sumber: Utusan Malaysia

Berdasarkan petikan di atas, tulis sebuah rencana tentang faktor-faktor Malaysia menjadi destinasi pilihan pelancong.

Tema DSKP: Pelancongan (Tema 8 Tingkatan 5)

- a) **Format: Rencana**
- Tajuk rencana
 - Nama Penulis
- b) **Kehendak/ tugas soal:**
- Calon dikehendaki **menulis rencana tentang faktor-faktor Malaysia menjadi destinasi pilihan pelancong** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:
 - mempunyai banyak bangunan bersejarah
 - diwarnai dengan pelbagai budaya
 - keindahan alam semula jadi
- c) **Kemungkinan jawapan:**
- Calon menghuraikan idea tanpa menggunakan format rencana – maksimum peringkat **KEPUJIAN (55 – 63)**
 - Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan dengan faktor-faktor Malaysia menjadi destinasi pilihan pelancong – **DITERIMA SEPERTI BIASA**
 - Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN (55 – 63)**
 - Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK (45 – 54)**
 - Calon menghuraikan pelancongan secara umum – maksimum peringkat **BAIK (45 – 54)**

[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT

NOTA TAMBAHAN:

- i. Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**
- ii. Bilangan perkataan 511 dan ke atas – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- iii. Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat **BAIK**

PERKATAAN YANG DIKIRA SEBAGAI SATU PATAH PERKATAAN

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Kata Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis/ al-Quran/ kata-kata tokoh/ ungkapan menarik
7. Penanda wacana
8. Tajuk (rencana/surat)
9. Angka
10. Kata Sendi yang dieja jarak
 - Contoh: di rumah dan ke sana (2 patah perkataan)
11. Kata majmuk
 - Contoh: ibu bapa (1 patah perkataan)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**SERTAI TELEGRAM @exercise_students**

Soalan 1 – Morfologi**Kata tanya****(i) Bagaimana(kah);**

kata tanya (menanyakan hal), betapa: ~ keadaan budak yg sakit itu sekarang? 2. dgn cara apa, dgn jalan apa: parlimen menjaga dan mengawal ~ wang orang ramai dipungut dan dibelanjakan; ~ juga bagaimanapun; sebagaimana seperti (yg dikehendaki dll), sama (halnya) dgn, seperti mana: sekolah itu dapat memberi pendidikan ~ yg dikehendaki; bagaimanapun biar apa pun yg terjadi; dibagaimanakan dipengapakan

(ii) Di mana(kah);

kata yg digunakan utk menanyakan sesuatu (tempat dsb): Awak hendak ke ~?. Yg ~kah adikmu? ~ boleh takkan boleh; mustahil. ~ lagi (pula) tambahan pula; lebih-lebih lagi. ~ tahu boleh jadi; mungkin mana-mana

(iii) Siapa;

kata utk menanyakan orang, orang mana: ~ yg mengusik awak? 2. kata utk menanyakan nama orang: ~ nama kamu? 3. kata utk menyatakan orang secara umum, orang yg tidak tentu; ~ yg makan cabai, dialah berasa pedas prb yg berbuat salah akan berasa; tiada ~ tiada seorang pun; ~ lagi a) = ~ pula adakah orang lain lagi; b) siapa selanjutnya (suka, mahu membeli, dll); ~ lu ~ gua Id, bp masing-masing membuat hal sendiri (tidak bertolong bantu); ~ pun = ~ sahaja a) barang siapa; b) sebarang orang, siapa juga; sesiapa siapa-siapa: ~ sahaja boleh menyer-tai peraduan ini; siapa-siapa 1. orang yg tertentu: kakak tidak menunggu ~; 2. siapa juga, siapa pun: aku tidak mahu menyalahkan ~; 3. barang siapa, seseorang (orang yg tidak tentu): ~ yg di-dapati bersalah, akan dihukum

(iv) Bila;

kata yg digunakan utk menanyakan waktu (masa, ketika) mana: ~ awak hendak ke Kuala Lumpur?; barang ~ sebarang masa; 2. pd masa apa: kalau begini, sampai ~ pun nasib pak tani tidak akan berubah; bila-bila = ~ masa pd sebarang masa (waktu, ketika): ~ saja hari akan hujan

(v) Apa(kah);

apakah ada (utk mengeraskan pertanyaan), ada atau tidak (tiada): soalnya, ~ terdapat novel karangannya? 2. benarkah (atau tidak), sesungguhnya (atau tidak): ~ kekalahannya tahun ini lebih besar drpd kekalahan tahun lalu? ~ duri dipertajam prb perselisihan yg telah ada tidak perlu diperbesar lagi

[Maksimum: 8 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Soalan 2 – Sintaksis**Ayat aktif kepada ayat pasif**

AYAT AKTIF	AYAT PASIF	MARKAH
Penduduk di negara ini menggunakan bahasa Dhivehi yang berasal daripada cabang bahasa Indo-Arya.	Bahasa Dhivehi yang berasal daripada cabang bahasa Indo-Arya digunakan oleh penduduk di negara ini.	2m
Banyak bahasa asing seperti bahasa Arab, bahasa Hindi, bahasa Malayalam dan lain-lain mempengaruhi bahasa Dhivehi.	Bahasa Dhivehi dipengaruhi oleh banyak bahasa asing seperti bahasa Arab, bahasa Hindi, bahasa Malayalam dan lain-lain.	2m
Penduduk Maldives mengutamakan bahasa Inggeris dalam komunikasi seharian.	Bahasa Inggeris diutamakan oleh penduduk Maldives dalam komunikasi seharian.	2m

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan**Bahan 1**

- | | |
|------------|------------------|
| untuk | - yang |
| konsul | - konsol |
| tersenarai | - menyenaraikan |
| laris | - tinggi/ hangat |
| berbillion | - berbilion |
| dari | - daripada |

[Maksimum: 5 markah]

Bahan 2

- | | |
|------------------------|---|
| tulen | - asli |
| umur had | - had umur |
| juru latih | - jurulatih |
| ketentuan | - menentukan |
| pelbagai kaedah-kaedah | - pelbagai kaedah/ berbagai-bagai kaedah/ kaedah-kaedah |
| kreteria | - kriteria |

[Maksimum: 5 markah]

Nota: Jawapan tidak semestinya mengikut turutan

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	5
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4-5
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2-3
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan/ salah fakta	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Seri Amerta menyampaikan semua kata/kata-kata Tun Perak itu kepada ke bawah Duli Yang Dipertuan. Baginda tersenyum lalu bertitah, “Benar kata-kata Tun Perak itu.”

Baginda mengambil sirih dari bekas/tepak/puan baginda lalu disuruhnya untuk diberikan kepada Tun Perak. Baginda bertitah kepada Tun Perak, “Tun Perak tidak sepatutnya tinggal di Kelang lagi, Tun Perak sepatutnya tinggal di negeri ini.”

[Maksimum: 5 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Peribahasa lain yang sesuai bagi ayat yang bergaris

AYAT BERGARIS DAN PERIBAHASA	MARKAH
individu yang pintar dan bijaksana cerdik akal/ cerdik seperti kancil/ pintar macam Sang Kancil/ bijak macam pendeta/ otak bergeliga/ otak geliga/ otak cair.	2m
sentiasa sabar dan tabah sehingga matlamat tersebut berjaya dicapai genggam bara api biar sampai jadi arang/ alang-alang mandi biar basah/ alang-alang berminyak biar licin/ alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan/ alang-alang berdakwat biar hitam/ alang-alang berdayung biar sampai ke seberang	2m
rajin berusaha sudah pasti kejayaan akan menjadi kenyataan usaha tangga kejayaan/ rajin dan usaha tangga kejayaan/ yang bulat tidak akan bergolek, yang pipih tidak datang melayang/ jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya/ di mana ada kemahuan, di situ ada jalan	2m

[Maksimum: 6 markah]

Bahagian B: Pemahaman

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 6: 12 markah

Soalan 7: 13 markah

Soalan 8: 10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8:

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**i. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis.	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis.	1
Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup.	
Jawapan salah.	0

ii. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis.	3
Isi cukup/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat kurang gramatis.	2
Isi tidak cukup/ menyentuh semua bahan/ ayat gramatis.	
Isi tidak cukup/ tidak menyentuh semua bahan.	1
Jawapan salah.	0

iii. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi)/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis.	4
Isi cukup (3 isi)/ relevan dengan tugas/ ayat kurang gramatis.	3
Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat gramatis.	
Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat kurang gramatis.	2
Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat gramatis.	
Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat kurang gramatis.	1
Jawapan salah.	0

Soalan 6 – Pemahaman

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, maksud rangkai kata *mengawal kehendak* ialah...
- menghadkan/ membatasi keinginan/ kemahuan/ hasrat/ hajat [2m]
 - menghadkan/ membatasi kehendak [1m]
 - mengawal keinginan/ kemahuan/ hasrat/ hajat [1m]

[Maksimum: 2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, punca-punca generasi muda sanggup berhutang ialah...

Bahan 1

- P1- memenuhi kehendak kehidupan mereka [1m]
P2- semata-mata untuk tampil bergaya [1m]
P3- berlagak kaya di hadapan orang lain [1m]

[Isi cukup: 1 isi]

Bahan 2

- P4- budaya hidup 'takut ketinggalan' atau *fear of missing out* (FOMO) [1m]
P5- 'hidup hanya sekali' atau *you only live once* (YOLO) [1m]
P6- mengutamakan kehendak diri dan mengikut trend [1m]

[Isi cukup: 1 isi]

[Maksimum: 3 markah]

[Calon perlu mengemukakan jawapan daripada kedua-dua bahan]

- (iii) Pada pendapat saya, **langkah-langkah** yang boleh diambil oleh generasi muda untuk menangani masalah tersebut ialah...
- P1- mengamalkan perbelanjaan secara berhemat [1m]
 - P2- menyediakan bajet bulanan [1m]
 - P3- mengutamakan keperluan berbanding dengan kehendak [1m]
 - P4- mengelakkan penggunaan kemudahan berhutang/ kredit [1m]
 - P5- mengamalkan gaya hidup sederhana [1m]
 - P6- berfikir secara rasional sebelum membuat pinjaman/ mengelakkan mengambil pinjaman [1m]
 - P7- mengamalkan sikap menabung/ berjimat cermat [1m]
- (Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

- (iv) Sebagai ibu bapa, **tindakan-tindakan** yang boleh diambil untuk menggalakkan amalan menabung dalam diri anak-anak ialah...
- P1- membeli/ menyediakan tabung [1m]
 - P2- membuka akaun tabungan
 - P3- mendidik anak-anak/ menjadi suri teladan [1m]
 - P4- membawa anak-anak menghadiri ceramah/ seminar/ bengkel kewangan/ kaunseling kewangan [1m]
 - P5- berkongsi maklumat tentang faedah menabung/ pengurusan kewangan/ risalah atau info grafik [1m]
 - P6- memberikan ganjaran/ hadiah kepada anak-anak [1m]
- (Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7 – Pemahaman Sastera

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, peranan seorang pengawas ialah...

- P1- menjaga amanah sepanjang masa (menjaga amanah sepanjang masa) [1m]
P2- sentiasa menguatkuasakan/ memperkasakan peraturan sekolah (peraturan sekolah sentiasa perkasa) [1m]
P3- menjaga disiplin tanpa bertolak ansur/tanpa berkompromi (disiplin dijaga tanpa kompromi) [1m]

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 3**, ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin ialah...

Bahan 1

- P1- prihatin dan berjiwa rakyat [1m]
P2- berintegriti dan amanah [1m]

Bahan 3

- P3- Cikgu Mat telah bertanyakan hal yang sebenar kepada Qaisara [1m]
P4- Cikgu Mat semakin peramah dengan semua pelajarnya [1m]
P5- Cikgu Mat juga memberikan layanan yang sama rata kepada semua pelajar [1m]

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

[Calon perlu mengemukakan jawapan daripada kedua-dua bahan]

- (iii) Pada pendapat saya, **kesan-kesan** jika seseorang individu itu mengamalkan nilai kejujuran ialah...
- P1- memperoleh kepercayaan daripada keluarga/ masyarakat/ institusi/ majikan [1m]
- P2- meningkatkan imej dan reputasi diri/ keluarga/ organisasi [1m]
- P3- mengelakkan berlakunya rasuah dan penyelewengan/ sikap tidak amanah/ mementingkan diri [1m]
- P4- dapat mengelakkan penindasan/ diskriminasi terhadap golongan lemah [1m]
- P5- bebas daripada tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa/ SPRM [1m]
- P6- mengekalkan keharmonian/ mengeratkan hubungan masyarakat [1m]
- P7- menjadi contoh/ teladan baik kepada generasi muda/ masyarakat [1m]
- (Kesan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

- (iv) Sebagai ketua kelas yang prihatin, **langkah-langkah** yang akan anda ambil untuk menangani masalah tersebut ialah...
- P1- menegur rakan secara berhemah/ memberikan nasihat secara peribadi/ memberikan motivasi dan sokongan moral supaya berubah/ mengingatkan kepentingan disiplin dan tanggungjawab sebagai pelajar [1m]
- P2- mengajak rakan datang ke sekolah dan kelas lebih awal [1m]
- P3- melaporkan masalah kepada guru kelas/ kaunselor/ pihak sekolah [1m]
- P4- memaklumkan kepada ibu bapa/ penjaga tentang perkara yang dilakukan [1m]
- (Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8: Novel**Panduan pemarkahan bagi soalan novel****Soalan 8 (i)**

- (a) Jika calon menyalin keseluruhan petikan tanpa pangkal ayat, berikan 0 markah.
- (b) Jika calon menyalin keseluruhan petikan dengan menulis pangkal ayat, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.
- (c) Jika calon menulis isi secara terpilih dan tiada pangkal ayat, periksa seperti biasa (rujuk deskripsi pemarkahan)

Jawapan soalan (i)

Keindahan-keindahan Kuala Selangor ialah...

- P1- tetap segar menghijau [1m]
- P2- harum dengan bau lautan di tengah-tengah kepesatannya [1m]
- P3- semuanya indah [1m]
- P4- semuanya malar hijau [1m]
- P5- semuanya bersih [1m]

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Nota: Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan.

Panduan pemarkahan bagi soalan (ii)

- (a) Jawapan berdasarkan **dua buah** novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi huraian/ contoh yang lengkap/ jelas bagi setiap isi.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (1 markah bagi pernyataan isi dan 1 markah huraian/ contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh.
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab, 0 markah.
- (i) Jika calon menulis nama novel dan pengarang sahaja berikan 0 markah.
- (j) Calon boleh memilih mana-mana dua buah novel daripada 8 buah novel yang disenaraikan.

[Maksimum: 6 markah]

Jawapan soalan 8 (ii)

Peristiwa yang dapat mendidik pembaca.

Novel	Pernyataan (1m)	Huraian (1m)
Leftenan Adnan Wira Bangsa	Peristiwa Adnan sering membantu ayahnya di kebun getah pada awal pagi dan ke sawah pada waktu petang.	Peristiwa ini mendidik pembaca agar menjadi anak yang bertanggungjawab dalam meringankan beban ibu bapa mereka.
	Peristiwa Pak Saidi sanggup mengayuh basikal setiap pagi untuk menghantar Adnan ke Sekolah Inggeris di Pekan Sungai Ramal dan menjemput semula Adnan pada waktu tengah hari.	Peristiwa ini mendidik pembaca agar bertanggungjawab demi memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang terbaik.
Tirani	Peristiwa Waheeda telah berusaha sedaya upaya mengembangkan perniagaan di bawah sektor pelancongan dengan menyediakan pakej pelancongan yang berbentuk ekopelancongan dan agropelancongan kepada pengusaha walaupun menerima saingan sengit daripada pengusaha hotel dan chalet yang lain.	Peristiwa ini mendidik pembaca agar sentiasa berani mengambil risiko dalam bidang perniagaan untuk memperoleh kejayaan.
	Peristiwa Raidah, ibu Waheeda berusaha dan sanggup pergi ke Singapura untuk menemani anak gadisnya itu menjalani pembedahan mata dan hidung di Silicon Medical Center (SMC), Singapura.	Peristiwa ini mendidik pembaca agar sentiasa mengambil berat tentang keadaan kesihatan ahli keluarga.

Nota: Peristiwa dan huraian lain boleh diterima sekiranya sesuai

Novel	Pernyataan (1m)	Huraian (1m)
Pantai Kasih	Peristiwa Doktor Raiha tetap bersemangat untuk mencapai cita-citanya menjadi seorang doktor pakar bedah walaupun mendapat tentangan daripada ayahnya. Ayahnya berpendapat bahawa doktor pakar bedah mempunyai cabaran yang besar dan hanya sesuai untuk lelaki kerana mereka kuat dari segi fizikal dan mental.	Peristiwa ini mendidik pembaca agar berani untuk menempuh cabaran dan tetap bersemangat untuk mencapai cita-cita.
	Peristiwa Doktor Raiha berani mempertikaikan kegagalan pembedahan yang telah dijalankan oleh majikannya Doktor Uwang. Doktor Uwang gagal dalam menjalankan pembedahan terhadap Unong Siron sehingga pesakit itu dibedah sebanyak 5 kali.	Peristiwa ini mendidik pembaca agar berani menegakkan kebenaran walaupun terpaksa berhadapan dengan ketua.
Bimasakti Menari	Peristiwa Nurul Hafsa berjanji kepada rombongan dari Jepun iaitu 15 orang kanak-kanak sekolah rendah dan tiga orang guru pengiring mereka bahawa dia akan mengembalikan bintang-bintang di langit semula dengan mewujudkan Kawasan Simpan Langit Gelap.	Peristiwa ini mendidik pembaca agar bijaksana dalam menyelesaikan masalah dan menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi.
	Peristiwa Tan Sri Muhaimin dan penduduk kampung bekerjasama dengan pihak polis mencari jalan penyelesaian dalam kes penculikan anaknya Muhammad Taufik dengan melaporkan tempat penculik menyembunyikan anaknya sehingga kumpulan penculik dapat ditewaskan dan Muhammad Taufik berjaya diselamatkan.	Peristiwa ini mendidik pembaca agar bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi memastikan keselamatan nyawa seseorang.

Nota: Peristiwa dan huraian lain boleh diterima sekiranya sesuai

Novel	Pernyataan (1m)	Huraian (1m)
Jendela Menghadap Jalan	Peristiwa Lili memanfaatkan masa dengan membaca buku Panduan Pemakanan Sihat Melalui Sayur-sayuran dan Buah-buahan sementara menunggu bas bergerak ke Dungun Terengganu.	Peristiwa ini mendidik pembaca agar sentiasa meluangkan masa dengan perkara yang bermanfaat.
	Peristiwa Lili tidak tergamak menyakiti hati ibunya lalu menyatakan perasaan gembira untuk pulang ke kampung datuknya di Kampung Sentosa, Dungun Terengganu.	Peristiwa ini mendidik pembaca agar akur/ menghormati/ taat akan permintaan ibu.
Songket Berbenang Emas	Peristiwa Dahlia gigih mengulang kaji pelajaran untuk menduduki peperiksaan STPM walaupun berada di pusat pemindahan sementara banjir di Kampung Parit Haji Rais.	Peristiwa ini mendidik pembaca agar bersikap gigih dalam mengulang kaji/menuntut ilmu walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran.
	Peristiwa Dahlia tidak membalas sindiran yang dilemparkan oleh Aton setelah melihat dia dihantar pulang dengan kereta oleh Azhari dan menganggap Dahlia sebagai perempuan yang tidak baik.	Peristiwa ini mendidik pembaca agar sentiasa bersikap berbudi bahasa dan menghormati orang yang lebih tua.

Nota: Peristiwa dan huraian lain boleh diterima sekiranya sesuai

Novel	Pernyataan (1m)	Huraian (1m)
Di Sebalik Dinara	Peristiwa Farisha gigih memajukan syarikat perunding keselamatan sistem komputer iaitu Syarikat Secured Shell Sdn Bhd yang ditubuhkannya bersama Rosman.	Peristiwa ini mendidik pembaca agar gigih berusaha dalam bidang perniagaan pada usia yang muda.
	Peristiwa Azraai memasang alat kawalan keselamatan canggih di rumah Farisha serta melarangnya menerima projek Soft Lab pada peringkat awal.	Peristiwa ini mendidik pembaca agar bertanggungjawab terhadap keselamatan ahli keluarga.
Silir Daksina	Peristiwa Haiqal tetap dengan pendiriannya untuk pergi ke Kampung Seri Purnama bagi menjejaki kisah hidup ayahnya di sana. Dia berani ke kampung tersebut walaupun tidak mengenali sesiapa di sana dan tidak mempunyai kenalan ataupun saudara mara.	Peristiwa ini mendidik pembaca agar mempunyai pendirian yang tegas dan berani membuat keputusan.
	Peristiwa Haiqal solat subuh terlebih dahulu di hentian bas dan teksi Batu Pahat sebelum meneruskan perjalanan ke Kampung Seri Purnama.	Peristiwa ini mendidik pembaca untuk mengutamakan ibadah terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara.

Nota: Peristiwa dan huraian lain boleh diterima sekiranya sesuai



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Bahagian C: Rumusan*[30 markah]***Soalan 9**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi - 20 markah
(b) Bahasa - 10 markah

(a) **Isi [20 markah]**

- Pendahuluan - 2 markah
Isi (8 isi) - 16 markah
Kesimpulan - 2 markah

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
 - perkataan berganda/ berulang
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 perkataan sahaja** sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Pengiraan Isi

Bahagian Isi	Bilangan isi	Bilangan isi diterima (cadangan)							Markah maksimum
(i) Pendahuluan								2	
(ii) Fokus 1 (Punca/ Faktor/ Sebab)								16	
Bahan 1	4	4	3	3	2	2	1		
Bahan 2	2	1	2	2	2	2	2		
(iii) Fokus 2 (Langkah/ Cara/ Usaha)									
Bahan 1									4
Bahan 3	2	1	1	2	2	1	2		
Jumlah Isi	12	8	8	8	8	8	8		
(v) Penutup/ kesimpulan								2	
Jumlah markah								20	

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik:

Peringkat	Markah Bahasa	Kriteria
Cemerlang	8 – 10	- Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik. - Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 – 7	- Kesenambungan ayat baik. - Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu. - Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat. - Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.
Sederhana	3 – 4	- Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik. - Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu. - Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat. - Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan.
Lemah	1 – 2	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan/ kurang atau tidak difahami.

[Lihat halaman sebelah

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta, markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika calon memperoleh markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
- (iii) Jika calon memperoleh markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Markah isi merangkumi pendahuluan, isi dan kesimpulan.
- (v) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, berikan 0 markah bahasa.
- (vi) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]		Markah
P1-	... membincangkan <i>punca-punca/ faktor-faktor/ sebab-sebab</i> kekurangan bekalan makanan dan <i>langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha</i> menangani isu kekurangan bekalan makanan	2
P2-	... membincangkan <i>punca-punca/ faktor-faktor/ sebab-sebab</i> kekurangan bekalan makanan	1
P3-	... membincangkan <i>langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha</i> menangani isu kekurangan bekalan makanan	1

Isi [16 markah]		
Fokus 1: Punca-punca/ faktor-faktor/ sebab-sebab kekurangan bekalan makanan:		Markah
Bahan 1		
A1-	kadar permintaan pengguna melebihi daripada bekalan makanan yang ditawarkan pembekal	2
A2-	pembelian panik oleh orang ramai	2
A3-	fenomena bencana alam	2
A4-	ketidaktentuan cuaca global	2

Fokus 1: Punca-punca/ faktor-faktor/ sebab-sebab kekurangan bekalan makanan:		Markah
Bahan 2		
B1-	berlakunya perubahan iklim yang merosakkan cuaca (Perubahan iklim merosakkan cuaca)	2
B2-	kekurangan tenaga kerja dalam bidang pertanian (Kurang pekerja bidang pertanian)	2

Fokus 2: Langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha menangani isu kekurangan bekalan makanan:		Markah
Bahan 1		
C1-	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KKPM) telah memperkenalkan Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2021-2025 dan Dasar Agro Makanan Negara 2021-2030	2
C2-	kerajaan memperkenalkan sistem pengurusan keterjaminan makanan	2
C3-	aspek penggunaan teknologi baharu pada tahap maksimum	2
C4-	sistem maklumat geografi yang mampu meramal cuaca	2

Fokus 2: Langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha menangani isu kekurangan bekalan makanan:		Markah
Bahan 3		
D1-	petani dan penternak diberikan subsidi	2
D2-	kita boleh modenkan pertanian dengan menggunakan kaedah fertigasi	2

Kesimpulan [2 markah]		Markah
K1-	Kesimpulannya, isu kekurangan bekalan makanan perlu ditangani agar kehidupan rakyat/ masyarakat terpelihara/ dapat membentuk masyarakat sejahtera.	2
K2-	Kesimpulannya, isu kekurangan bekalan makanan perlu ditangani segera.	1
K3-	Kesimpulannya, isu kekurangan bekalan makanan perlu ditangani segera oleh kerajaan.	1
(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)		

SULIT**Nota:**

- (i) Jika calon menulis pendahuluan 3 fokus, berikan 1 atau 0 markah.
- (ii) Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- (iii) Isi diberi markah seperti biasa walaupun bercampur dengan fokus yang lain.
- (iv) Kesimpulan hanya merujuk kepada isu **kekurangan bekalan makanan** sahaja.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**SERTAI TELEGRAM @exercise_students**